

Usaha bina rumah mampu milik terus dipergiat

Kuala Lumpur: Penyediaan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan akan terus dipertingkatkan seiring dengan hasrat kerajaan membina satu juta unit rumah mampu milik dalam tempoh 2026 hingga 2035.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, berkata, Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) turut mengesyorkan reformasi perumahan.

Katanya, perumahan mampu milik diletakkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai satu agenda jangka panjang negara dengan tekad untuk menaik taraf kehidupan sosial, termasuk memastikan akses rakyat kepada keperluan asas seperti perumahan mampu milik yang berkua-

liti dan juga terangkum.

Beliau berkata, pihaknya akan memastikan Wilayah Persekutuan akan menjadi peneraju dalam menyediakan rumah mampu milik.

“Wilayah Persekutuan bersedia untuk menyumbang sebahagian daripadanya (sasaran pembinaan 1 juta unit kediaman).

“Sasaran Wilayah Persekutuan sebanyak 80,000 unit rumah mampu milik sehingga 2028 juga menepati sasaran dengan sehingga hari ini, kita sudah berjaya menyediakan sebanyak 73,200 unit rumah, iaitu 91.5 peratus.

“Ia merangkumi rumah yang sudah siap, sedang dalam pembinaan dan termasuk yang sudah menerima kelulusan,” katanya ketika majlis pecah tanah

Residensi Aman Lumayan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha berkata, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh URBA-NICE, Malaysia sedang menghadapi realiti peningkatan kadar urbanisasi hingga 78 peratus.

Beliau berkata, mengikut kajian oleh United Nations Department of Economic and Social Affairs, ia dijangka akan meningkat sehingga 85 ke 90 peratus menjelang 2050.

Katanya, Kuala Lumpur mencatat penduduk hampir dua juta orang dalam kawasan sekitar 240 kilometer persegi, menghasilkan kepadatan melebihi 8,100 orang bagi setiap kilometer.

Di sebalik peningkatan kadar itu, katanya, kebimbangan yang

sepatutnya perlu diketengahkan ialah mengenai kewujudan jurang ruang yang semakin melebar di antara pusat bandar dan juga rakyat yang mendiaminya.

Ketidaksamaan ruang itu katanya, menyebabkan kelompok pekerja bandar terpaksa tinggal jauh dari tempat kerja.

Beliau berkata, ini secara tidak langsung memberi kesan kepada kos sara hidup, produktiviti dan akhirnya akan menjejaskan kesejahteraan keluarga mereka sendiri.

Dr Zaliha berkata, dapatan daripada Housing Affordability Index menunjukkan nisbah harga rumah kepada pendapatan, khususnya bagi kelompok M40 dan B40 mencapai antara 4 hingga 5 kali ganda pendapatan tahunan, menandakan rumah bandar se-

makin tidak mampu dimiliki.

“Kegagalan kita untuk menangani isu ini hanya akan mengakibatkan kesenjangan ekonomi dan mobiliti yang akan menjadi semakin meruncing, dengan penumpuan

kekayaan dan peluang hanya akan tertumpu kepada konurbasi bandar tertentu sahaja.

“Tekanan perbandaran yang pesat tanpa pengurusan bandar yang holistik hanya akan membawa kepada fenomena *holloving out of urban centres*, iaitu kelompok berpendapatan rendah akan dipinggirkan secara struktur dari bandar raya akibat tekanan pasaran hartanah.

“Ini secara tidak langsung akan menyebabkan bandar kita kehilangan karakter sosialnya,” katanya.